

Headline	5 peserta akademi sastera berentap
Date	28. Aug 2008
Media Title	Berita Harian
Section	Hip
Circulation	217920
Readership	2083000
Language	MALAY
Page No	18
Article Size	479 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color
AdValue	8473.25



5 peserta Akademi Sastera berentap

Pertandingan julung kali bagi mencari penulis kertas kerja berwibawa

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@bharian.com.my

IMA peserta Akademi Sastera bakal berentap mempertahankan kritikan sastera masing-masing daripada 'serangan' pengkritik profesional dan penonton pada pertandingan akhir di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), esok, bermula jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Pada pertandingan yang julung kali diadakan itu, Siti Nadia Hamnain dari Universiti Malaya (UM) tampil dengan kritikan, *Wacana Subaltern dalam Novel Seorang Tua di Kaki Gunung* manakala rakan seuniversiti, Mohd Zamzuri Mustapha mengemukakan, *Mekanisme Bela Diri dan Interaksi Watak-watak dalam Lima Cerpen Anwar Ridhwan*.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula berjaya menghantar dua pelajar mereka, Rosnani Ibrahim dan Bob Abdul Gapor, masing-masing dengan kritikan, *Dakwah dalam Ini Syair Ceritera Ada Dalam Kubur* dan *Mencari Azizah*.



KEMUKA HUJAH: Rosnani (kanan) membentangkan kertas kerja sambil diperhatikan pengurus majlis, Dr Hashim Ismail (kiri).

Analisis Feminisme.

Peserta tunggal Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Zarif Hassan@Zulkifli menggalas tugas berat untuk mengutarakan kritikan, *Novel Mahabbah Karya Shahnon Ahmad: Satu Kritikan Berdasarkan Konseptual Kata Kunci*, apabila tampil sebagai satu-satunya wakil untuk institusinya.

Pensyarah Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), Dr

Norhayati Abdul Rahman dan Ketua Bahagian Teori dan Kritikan DBP, Mohamad Daud Mohamad, akan melontarkan soalan untuk menguji kemampuan kritikan sastera peserta selain menilai pengetahuan mereka dalam menggunakan teori serta pendekatan sastera.

Selain dua pengkritik itu, peserta terpaksa berdepan dengan peluru daripada penonton, sekali gus memberi kejutan kerana peserta

tidak dapat mengagak bentuk soalan kerana ia ber�antung sepenuhnya kepada kehadiran sarjana, ahli akademi, pengarang dan peminat sastera.

Peserta bukan saja terpaksa menjawab kritikan secara spontan daripada pengkritik profesional dan amatur, bahkan perlu memastikan jawapan mereka berkualiti kerana ia akan dinilai oleh panel pengadil yang mempunyai kredibiliti dalam dunia kritikan sastera.

Di sebalik soal jawab dalam kritikan, panel pengadil yang diketuai Pensyarah APM, Prof Dr Mohamad Mokhtar Abu Hassan dan turut dianggotai Pensyarah UKM, Prof Dr Hanapi Dollah serta Pensyarah UPM, Dr Kamariah Kamaruddin, akan meneliti jawapan mereka selepas memeriksa kritikan yang dihantar sehari sebelum pertandingan.

Pegawai Perancang Bahasa Kanan DBP, Siti Aisah Murad, berkata DBP bekerjasama dengan tiga universiti untuk merealisasikan program terbabit sebagai pembuka laluan menarik minat dan pembabitan pelajar IPTA mahupun IPTS. Melalui kerja bengkel, pelajar yang dipilih menyertai Akademi Sastera mendapat bimbingan mentor bagi membantu peserta memahami dan menghayati subjek kritikan," jelasnya.

Pengurus Projek Akademi Sastera, Azizah Ahmad, berkata peserta program diberi kebebasan memilih topik kertas pembentangan dengan menggunakan teori sastera.



Akademi Sastera bertujuan memupuk kemahiran berkomunikasi dan keupayaan menguasai kaedah penyampaian ilmu kritikan sastera di kalangan pelajar institut pengajian tinggi"

Siti Aisah Murad
Pegawai Perancang Bahasa Kanan DBP

Akademi Sastera yang menjadi projek perintis anjuran DBP dengan kerjasama UM, UKM dan UPM itu, mewajibkan peserta untuk mengikuti sesi latihan dan penyedian kertas kerja pembentangan dan peringkat saringan yang membabitkan sembilan penyertaan.